



*Mohd Lopez, penceramah jemputan sedang memberikan tunjuk ajar kepada audiens*

*Foto Oleh Dg. Norfahezah Ag. Mahmun*

## **Program Anjuran SPRUMS Menarik Minat Penyertaan Mahasiswa**

Oleh Dg. Norfahezah Ag. Mahmun

**dgnorfahezah95@yahoo.com**

KOTA KINABALU, 11 MAC - Sekretariat Pencegahan Rasuah UMS dengan kerjasama daripada pihak HEP telah melancarkan program bertema Menjelajah Ke Dunia Kreativiti dengan menganjurkan Bengkel Asas Photoshop bertempat di Dewan Kuliah Pusat 27, UMS hari ini.

Penceramah jemputan yang mengendalikan bengkel ini merupakan alumni UMS yang memiliki kemahiran dan pengalaman dalam penggunaan Adobe Photoshop iaitu Mohd Lopez Bin Asri.

Turut hadir bersama dalam program ialah Ketua Sekretariat SPR UMS, Muhamad 'Izzat Islam Bin Mohd Noor yang menjadi pemantau serta

memberi penerangan kepada hadirin yang berkunjung.

Program dimulakan dengan pendaftaran yang menyaksikan penyertaan yang memberangsangkan daripada mahasiswa apabila memenuhi ruangan luar meja pendaftaran.

Menurut pengarah program, Noratikah Binti Mazlan, pengajian program ini adalah satu inisiatif bagi melengkapkan mahasiswa dengan kemahiran menggunakan Adobe Photoshop sekali gus mempromosikan SPR UMS kepada mahasiswa.

Yuran sebanyak RM10 dikenakan kepada individu yang menyertai bengkel ini dan dibekalkan dengan makanan percuma, Photoshop Installer, sijil penyertaan, Button badge serta Mysdp.

Terdapat juga pameran anti-rasuah dipaparkan sepanjang berlangsungnya bengkel tersebut selaras dengan matlamat yang dikendalikan oleh SPR UMS dalam menyampaikan mesej anti-rasuah di samping mempelajari asas Photoshop.